

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) kesediaan Kerajaan membentuk jaringan keselamatan sosial berpusat meliputi semua segmen menerusi pendaftaran automatik; dan
- (b) komitmen Kerajaan membentangkan RUU baru bagi mengawal aspek bayaran, keadaan, kontrak, pengurusan, dan perwakilan adil bagi semua pekerja, termasuk pekerja gig, pekerja kontrak dan sambilan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jaringan keselamatan sosial di Malaysia dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan, termasuklah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Jabatan Kebajikan Negara dan lain-lain. Masing-masing menawarkan jaringan sosial dalam bentuk yang berbeza kepada kumpulan sasar yang sesuai.

Buat masa ini, jaringan keselamatan sosial di bawah Kementerian Sumber Manusia sememangnya berpusat dan ditadbir urus oleh PERKESO. PERKESO menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4], Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800].

Berkaitan penggubalan rang undang-undang baharu, Kementerian Sumber Manusia berpandangan bahawa undang-undang sedia ada mengenai jaringan keselamatan sosial sudah merangkumi aspek yang disebutkan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, sesi libat urus sedang giat diadakan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mendapatkan maklum balas ke atas cadangan mewujudkan satu undang-undang baharu untuk meliputi pekerja ekonomi gig, termasuklah pengurusan faedah dan kontrak antara pekerja dan penyedia platform tanpa menjejaskan keunikan sifat perniagaan gig itu sendiri.

Bagi golongan pekerja, pekerja sambilan dan kontrak telah pun diliputi di bawah undang-undang sedia ada iaitu Akta Kerja 1955.